JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 29/2020

**RUJUKAN : 20 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Kerajaan terus komited dalam usaha memerangi penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia. Perkembangan terkini status jangkitan menunjukkan angka yang memberangsangkan sepanjang minggu pertama fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila trend peningkatan kes harian yang semakin menurun berbanding fasa sebelumnya. Namun begitu, dalam konteks kumulatif kes positif COVID-19 dalam negara, ianya bukanlah satu angka yang boleh diketepikan terutamanya jika dilihat pada perspektif negeri dan pertambahan zon merah di peringkat daerah. Statistik kes terkumpul sehingga kini telah diprofilkan mengikut 3 kategori utama iaitu Kumpulan 1 bagi negeri yang mempunyai catatan kes positif 401 dan ke atas, Kumpulan 2 (201 hingga 400 kes) dan Kumpulan 3 (200 kes ke bawah). Secara umumnya, terdapat 5 negeri yang berada dalam Kumpulan 1 yang terdiri daripada Selangor, W.P Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Negeri Sembilan. Sementara itu, 3 negeri iaitu Sabah, Pahang dan Perak dihimpunkan dalam Kumpulan 2 manakala negeri-negeri selainnya mempunyai catatan dalam julat 16 hingga 187 kes berdasarkan status sehingga 20 April 2020. Merujuk kepada jumlah kes positif pada 31 Mac 2020, hanya terdapat 4 negeri yang mempunyai catatan kumulatif melebihi 200 kes dengan 2 negeri masing-masing tersenarai dalam kumpulan 1 dan 2. Ini menggambarkan berlakunya peningkatan yang signifikan di antara dua tempoh masa tersebut. Selain Selangor dan W.P Kuala Lumpur, secara perbandingan pertambahan melebihi 200 kes menjadikan Johor, Sarawak dan Negeri Sembilan telah terhimpun dalam kumpulan 1 sementara Pahang dan Perak menapak di Kumpulan 2 (meningkat antara 60-170 kes) berbanding kedudukan sebelumnya. Pada masa yang sama, bilangan daerah dalam kategori zon merah telah meningkat kepada 30 daerah berbanding 15 daerah pada penghujung fasa pertama PKP.

Kementerian Kesihatan Malaysia pada 20 April 2020 memaklumkan **kumulatif kes sembuh meningkat kepada 3,295** berbanding **kes aktif 2,041 kes**, dipengaruhi oleh corak peningkatan kes sembuh harian yang melepasi angka kes positif baharu sejak 13 April 2020 yang lalu. Sementara itu, sebanyak **36 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,425 kes.** Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di W.P Putrajaya** dengan **merekodkan 13 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur (6 kes) sementara Sarawak sebanyak 4 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi enam buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **89 kes kematian** telah direkodkan sehingga kini tanpa **kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes mengikut daerah menunjukkan sebanyak **30 daerah** telah dikategorikan **sebagai zon merah**. **Lembah Pantai kekal** mencatatkan **kes jangkitan tertinggi dengan 628 kes** diikuti Hulu Langat (446 kes), Petaling (375 kes) dan Seremban (304 kes). Sehingga 19 April 2020, tiada catatan zon merah direkodkan bagi daerah-daerah di Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu sementara **sejumlah 26 daerah** dari seluruh negara masih **mengekalkan rekod zon hijau** atau tanpa jangkitan positif COVID-19.

**kumulatif jangkitan COVID-19** di seluruh dunia meningkat kepada **2,406,781 kes** dengan **jumlah kematian 165,273 kes. Amerika Syarikat kekal mendominasi** bilangan kes positif **sebanyak 759,766,** disusuli Sepanyol dengan jumlah 198,674 kes dan Itali sebanyak 178,972 kes. Turki merupakan negara terbaharu yang mencatatkan kumulatif kes melebihi China selain Perancis, Jerman dan United Kingdom. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura mendahului senarai teratas** dengan catatan 8,014 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia, Filipina termasuk Malaysia. **kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 40,683 kes,** diikuti Itali yang mencatatkan 23,660 kes, Sepanyol (20,453 kes) dan Perancis (19,744 kes). Kedudukan statistik **kadar kematian didominasi oleh Belgium** dengan 14.76 peratus, United Kingdom (13.28 peratus) dan Itali (13.22 peratus). Kadar kematian peringkat dunia terus meningkat kepada 6.87 peratus manakala kes sembuh merekodkan 628,914 kes (26.13 peratus) seperti pada Jadual 2.

Pandemik COVID-19 bukan sahaja mempengaruhi kesihatan global dan ekonomi malah turut memberi kesan tambahan kepada isu ketidakcukupan makanan di peringkat global. Walau bagaimanapun di Malaysia, menurut petikan akhbar, pakar industri tani dan sumber ekonomi menyatakan bahawa bekalan makanan dalam negara masih tetap mencukupi walaupun impak keseluruhan wabak ini kepada bekalan makanan masih belum dapat diketahui. Gangguan terhadap rangkaian bekalan makanan adalah pada tahap minima memandangkan bekalan masih stabil dan mencukupi kecuali bagi kes terpencil seperti di Cameron Highlands. Isu yang dikhuatiri adalah pengedaran dan pergerakan makanan dari ladang ke tempat yang diperlukan. Bagi menangani kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM1 bilion sebagai jaminan dalam memastikan bekalan makanan mencukupi sepanjang tempoh kritikal ini. Selain itu, Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara juga akan digubal, yang antaranya akan memberi penekanan kepada pemantauan harga makanan di samping memastikan pengedaran input pertanian dapat disampaikan dengan efektif. Menurut pandangan pakar, antara tindakan yang perlu dilakukan oleh Malaysia bagi menambahbaik jaminan bekalan makanan adalah memperkasa peranan koperasi dalam rantaian di samping mengukuhkan pendapatan petani.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**Global**: **Ekonomi mungkin tidak pulih sepenuhnya dari krisis COVID-19 pada 2021 - IMF**. Kegiatan ekonomi global, yang dilanda wabak COVID-19 mungkin belum pulih sepenuhnya walaupun pada akhir 2021. IMF menjangkakan ekonomi global **akan menyusut -3 peratus tahun ini sebelum meningkat 5.8 peratus pada tahun depan,** iaitu pemulihan yang digambarkan sebagai "pemulihan separa." (CNBC)

**AS**: Indeks Pelopor Ekonomi merekodkan penyusutan pada Mac 2020. Petunjuk ekonomi AS pada bulan Mac 2020 mencatatkan penurunan terbesar dalam sejarah sejak 60 tahun yang lepas. **Indeks Pelopor Ekonomi menyusut -6.7 peratus pada bulan Ma**c setelah merosot -0.2 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan ini adalah lebih sederhana berbanding jangkaan ahli ekonomi pada kadar -7.0 peratus. Walau bagaimanapun, kemerosotan ini belum pernah terjadi sebelumnya dan mendadak dengan sumbangan **penyusutan didorong oleh tuntutan awal untuk insurans pengangguran dan penurunan harga saham**. Penurunan mendadak dalam Indeks Pelopor Ekonomi mencerminkan pemberhentian sementara aktiviti perniagaan secara mengejut akibat pandemik global dan **menunjukkan ekonomi AS akan menghadapi penguncupan yang sangat dalam**. (RTT)

**EU**: Output pembinaan zon Eropah **menyusut pada Februari 2020**. Output pembinaan zon euro jatuh pada bulan Februari, sebulan sebelum penggunaan langkah-langkah sekatan pergerakan untuk memperlambat penyebaran COVID-19. Output pembinaan **menurun -1.5 peratus (MoM) pada bulan Februari**, setelah kenaikan 4.0 peratus pada bulan Januari. Pada bulan Disember, output meningkat 1.6 peratus. Penurunan ini didorong oleh penguncupan pembinaan bangunan sebanyak -1.4 peratus dan kejatuhan -1.6 peratus kejuruteraan awam**.** (RTT)

**JEPUN**: **Pengeluaran industri tertier turun pada bulan Februari 2020**. Anggaran kedua ke atas data pengeluaran industri menunjukkan **penurunan -0.3 peratus (MoM) pada bulan Februari 2020** berbanding anggaran awal yang menunjukkan peningkatan 0.4 peratus. Pada asas perbandingan bulan ke bulan (MoM), indeks penghantaran meningkat 1.0 peratus pada bulan Februari. Sementara itu, inventori dan nisbah inventori masing-masing merosot sebanyak -1.7 peratus dan -2.3 peratus. Pada perbandingan tahun ke tahun (YoY), **pengeluaran industri menurun -5.7 peratus** pada bulan Februari berbanding anggaran awal -4.7 peratus. Penggunaan kapasiti turut turun -1.8 peratus Februari. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Para penyelidik berpendapat susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), **permintaan tenaga elektrik daripada pelanggan industri dan komersial merosot dengan ketara**, manakala penggunaan elektrik isi rumah hanya meningkat secara sederhana dalam sebulan PKP ini. **Sebanyak 79% hasil pendapatan TNB di Semenanjung Malaysia** diperolehi daripada pelanggan industri dan komersial yang merupakan pengguna utama tenaga elektrik.

2) **Kebanyakan vendor jualan kenderaan** sudah kehabisan **rizab kewangan** dan kelewatan mendapat kelulusan pinjaman daripada institusi perbankan akan **menjejaskan operasi vendor.**

3) Kapasiti penyimpanan di Pelabuhan Klang telah menurun **sebanyak 50 peratus ke 60 peratus** dan sebanyak 50,000 TEUs masih tersekat di Pelabuhan Klang kerana **hanya 5 peratus atau 65 daripada 1,300 ahli** Federation of Malaysian Freight Forwarders **(FMFF)** yang telah menerima kelulusan daripada MITI.

4) Permintaan terhadap **perkhidmatan pajak gadai meningkat** dan kebanyakan pengusaha berharap perkhidmatan ini dapat beroperasi selepas tamat tempoh PKP bagi meringankan beban pelanggan dan mengelakkan peningkatan pinjaman wang haram.

5) Persatuan Pekilang Plastik Malaysia (MPMA) bekerjasama dengan FMFTA bagi memastikan **rantaian bekalan bagi pengeluaran peralatan perlindungan peribadi (PPE)** utama di Malaysia dipenuhi serta bekerjasama dalam **proses pengeluaran untuk menjahit 'jumpsuit', gaun perlindungan, penutup kepala dan pelindung but**. MPMA dan FMFTA juga komited untuk **menyumbang PPE jenis lain bernilai kira-kira RM1 juta** kepada KKM dan juga hospital, termasuk pelindung muka, 'jumpsuit', penutup kepala pakai buang, beg sampah klinikal, kepingan plastik dan filem, dan apron plastic.

6) Terdapat kira-kira **530 perniagaan Korea Selatan yang beroperasi di Malaysia** berdasarkan data Korea Trade-Investment Promotion Agency, terjejas akibat kawalan pergerakan Covid-19 di Malaysia. Malaysia adalah rakan dagang **ketiga terbesar untuk Korea Selatan dari Asia Tenggara,** dengan gabungan kedua-dua negara mencapai nilai dagangan sebanyak **USD $18.1 bilion pada 2019**.

7) **Projek-projek mega termasuk MRT2, LRT3, ECRL dan Lebuhraya Pan Borneo** kemungkinan akan diteruskan walaupun terdapat kemungkinan pelaksanaan had bilangan pekerja dan waktu kerja yang akan menghalang kemajuan kerja. Kontraktor yang terlibat termasuk Gabungan AQRS, Gamuda, HSS Engineers, IJM Corp, MMC Corp, MRCB, Sunway Construction dan WCT.

8) Kaji selidik dijalankan oleh FMM dengan **keputusan 63 peratus menyatakan bahawa mereka mungkin terpaksa melaksanakan langkah-langkah penjimatan kos** dengan 47 peratus terpaksa melakukannya dalam tiga hingga enam bulan akan datang.

9) Pengeluar peralatan penguji sensor dan semikonduktor tempatan akan **kekal berwaspada** disebabkan pasaran dunia yang masih belum terbuka sepenuhnya dengan **permintaan terhadap semikonduktor yang rendah**. Walaupun China bersedia untuk menghasilkan produk semikonduktor tetapi kemampuannya untuk mendapatkan bekalan bahan mentah dari pengeluar bukan China mungkin menjadi kekangan.

10) Aplikasi jualan dalam talian melalui **e-dagang Fingo** mencatatkan **peningkatan sebanyak 150 peratus hingga 200 peratus** semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lepas, berbanding bulan sebelumnya. Aplikasi tersebut mempunyai **keahlian lebih 5 juta pengguna** yang menawarkan penjimatan dalam aktiviti membeli belah dengan membekalkan lebih 100,000 produk termasuk 20 peratus barangan tempatan.

11) **Inflasi Mac 2020** dijangka **rendah** berikutan **impak penurunan harga minyak mentah** dunia memberi kesan kepada kumpulan 07 (Pengangkutan).

12) Dianggarkan **700,000 pekerja asing** masih belum didaftarkan dibawah PERKESO berbanding **2.2 juta pekerja asing yang sah berdaftar** dan bekerja di negara ini. Pihak PERKESO hanya akan menanggung kos saringan kesihatan mereka, sekiranya mereka **didaftarkan dan menyumbang kepada PERKESO.**

13) Berdasarkan kaji selidik oleh **Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM)** melibatkan **419 pertubuhan** didapati **30 peratus telah memperoleh kelulusan** untuk beroperasi dengan kekuatan kakitangan **50 peratus atau kurang**. Sementara itu, **74 peratus menyatakan subsidi upah** adalah **tidak mencukupi untuk mengekalkan pekerja** dalam tempoh tiga hingga enam bulan akan datang tanpa pemotongan gaji atau pemberhentian pekerja.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Reserve** | **Textile, clothing and footwear industry in a meltdown**<br><br>More textile, clothing and footwear manufacturers and retailers are likely to shutter due to plummeting global demand as hundreds of millions of people are put on lockdown and the world battles one of the worst health crises this century.<br><br>Footwear manufacturers are already witnessing a drop of up to 80% in sales, which will make their labour intensive business untenable.<br><br>Malaysian Footwear Manufacturers Association president Rachel Foo said its 400 members — both retailers and manufacturers — are facing a grim future. | https://themalaysianreserve.com/2020/04/20/textile-clothing-and-footwear-industry-in-a-meltdown/ |
| 2. | **The Edge Markets** | **How TNB weathers through low power demand**<br><br>TNB shares have dropped 4.22% since the start of the year, compared to the 11.15% decline in the benchmark KLCI in the same period.<br><br>For FY19 ended Dec 31, 2019, TNB made RM4.53 billion in net profit from RM50.94 billion in revenue. About 85% of the bottom line or RM3.84 billion came from the Regulated Asset | https://www.theedgemarkets.com/article/how-tnb-weathers-through-low-power-demand |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Base (RAB) business. That was after letting go of excess revenue of over RM1 billion from regulatory adjustments.<br><br>During the MCO, energy demand plummets as most offices, malls, hotels, businesses, and factories shut down, while household electricity consumption increases — albeit with lower average tariff incurred compared with other sectors.<br><br>Some 79% of TNB's sales in Peninsular Malaysia come from industrial and commercial customers. | |
| 3. | **Malay Mail** | **Govt urged to roll out three mega projects to spur post-Covid-19 economy**<br><br>A former secretary-general of the Finance Ministry today urged the government to roll out three big-ticket construction projects that have been in the pipeline for some time to kickstart the country's post-Covid-19 economy.<br><br>The three multi-billion ringgit projects — the East Coast Rail Link (ECRL), Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail (HSR) and National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP) — could spur the sleeping economy and repair the economic damage left behind by the pandemic. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/20/govt-urged-to-roll-out-three-mega-projects-to-spur-post-covid-19-economy/1858481 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The government has not said much to tell the public when these three projects will start rolling out so as to generate work orders for professional firms, construction companies and employ the lawyers, accountants, engineers, technicians and general workers. | |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Menurut akhbar The Malaysian Reserve, pengeluar dan peruncit industri tekstil, pakaian dan kasut lebih cenderung ditutup pengoperasian kerana permintaan global yang merosot akibat penularan wabak COVID-19 dan kesan daripada perintah kawalan pergerakan (PKP). Akhbar turut menyatakan industi pembuatan kasut mengalami penurunan jualan sehingga 80% susulan daripada pandemik ini.
2. Artikel 2 – Para penyelidik berpendapat susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), permintaan tenaga elektrik daripada pelanggan industri dan komersial merosot dengan ketara, manakala penggunaan elektrik isi rumah hanya meningkat secara sederhana dalam sebulan PKP ini. Menurut artikel The Edge Markets, sebanyak 79% hasil pendapatan TNB di Semenanjung Malaysia diperolehi daripada pelanggan industri dan komersial yang merupakan pengguna utama tenaga elektrik.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kemerosotan permintaan global terhadap tekstil, pakaian dan kasut telah mendorong penutupan operasi pembuatan tersebut. Ini secara tidak langsung telah memberi impak negatif kepada industri peruncit berkaitan dan ekonomi negara. Pada tahun 2019, subsektor pembuatan tekstil dan pakaian telah menyumbang 0.4 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 5.6 peratus berbanding 4.4 peratus pada tahun sebelumnya.
2. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Pandemik wabak Covid-19 telah menyebabkan penggunaan dan permintaan tenaga elektrik daripada pelanggan merosot memberi impak kepada subsektor perkhidmatan elektrik dan gas dan secara keseluruhan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2019, subsektor perkhidmatan elektrik dan gas menyumbang 2.1 peratus kepada ekonomi Malaysia dengan pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus berbanding tahun 2018(4.4%).

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 1. | **The Star** | **KL wholesale market to re-open tomorrow**<br><br>The Kuala Lumpur wholesale market in Batu Caves, which recently saw COVID-19 cases among several traders and their workers, will re-open tomorrow after being ordered to close for two days.<br><br>With a large number of wholesalers unable to work, the wholesale prices of vegetables shot up by between 20% and 30% with a drop in supply to grocery stores. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/20/kl-wholesale-market-to-re-open-tomorrow#cxrecs_s |
| 2. | **Harian Metro** | **Modenas buka operasi pusat servis**<br><br>Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) membuka kembali operasi perkhidmatan selepas jualan di cawangan Subang, Ipoh, Gurun dan Kuantan.<br><br>Industri automotif kembali dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), namun ia masih tertakluk kepada prosedur pengendalian standard (SOP) yang ditetapkan. | https://www.hmetro.com.my/vroom/2020/04/568910/modenas-buka-operasi-pusat-servis |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Berita Harian** | **Kelulusan pinjaman bank perlahan - Persatuan Vendor**<br><br>Tindakan institusi perbankan yang mengambil masa lama untuk meluluskan pinjaman berjumlah RM1 juta memberi kesan kepada ahli Persatuan Vendor Proton (PVA). Kesannya kebanyakan vendor sudah kehabisan rizab kewangan memandangkan gaji dan upah pekerja perlu dilangsaikan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2020/04/678321/kelulusan-pinjaman-bank-perlahan-persatuan-vendor |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 4. | **The Edge Markets** | **Containers are being transported from ports, intermediary warehouses overstacked — FMFF**<br><br>Port Klang on-port storage has gone down to about 50% to 60% of storage capacity from 70% previously, according to Federation of Malaysian Freight Forwarders (FMFF).<br><br>There are 50,000 TEUs still stuck at the port, with the bulk containing materials for the construction and automotive industries. Of the 1,300 members under FMFF, some 5% or 65 of its members have received approval from the MITI. | https://www.theedgemarkets.com/article/containers-are-being-transported-ports-intermediary-warehouses-overstacked-%E2%80%94-fmff |
| | **C. Subsektor Kewangan** | | |
| 5. | **The Star** | **More pawnbroker enquiries**<br><br>Pawnbrokers are receiving more enquiries from those wanting to pawn their belongings, despite the shops not being able to operate during | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/20/more-pawnbroker-enquiries |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the movement control order (MCO) period. | |
| | **D. Subsektor Pendidikan Swasta** | | |
| 6. | **New Straits Times** | **MCO: Struggling private university students call for tuition fee reduction**<br><br>Key reason for students of private higher education institutions are calling for a reduction in tuition fees because they unable to access on-campus resources and facilities such as libraries and laboratories, which they are afforded as part of the fees they pay. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/585746/mco-struggling-private-university-students-call-tuition-fee-reduction |

Penemuan penting & isu:

1. Pasar Borong Kuala Lumpur di Batu Caves akan dibuka semula setelah di tutup selama dua hari susulan beberapa peniaga dijangkiti wabak COVID-19.
2. Industri automotif telah dibenarkan beroperasi semula tetapi perlu mengikut prosedur dan pengendalian standad (SOP) yang ditetapkan.
3. Kebanyakan vendor jualan kenderaan sudah kehabisan rizab kewangan dan kelewatan mendapat kelulusan pinjaman daripada institusi perbankan akan menjejaskan operasi vendor.
4. Kapasiti penyimpanan di Pelabuhan Klang telah menurun sebanyak 50% ke 60% dan sebanyak 50,000 TEUs masih tersekat di Pelabuhan Klang kerana hanya 5% atau 65 daripada 1,300 ahli FMFF yang telah menerima kelulusan daripada MITI.
5. Permintaan terhadap perkhidmatan pajak gadai meningkat dan kebanyakan pengusaha berharap perkhidmatan ini dapat beroperasi selepas tamat tempoh PKP bagi meringankan beban pelanggan dan mengelakkan peningkatan pinjaman wang haram.
6. Pelajar di institusi pengajian tinggi swasta memohon yuran pengajian mereka dikurangkan kerana ketidakmampuan untuk mengakses kemudahan di kampus seperti perpustakaan dan makmal.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengoperasian semula Pasar Borong Kuala Lumpur dan industri pembaikan kenderaan bermotor masing-masing dijangka akan memberi kesan positif kepada prestasi jualan runcit di gerai atau pasar dan industri automotif.

2. Masalah kewangan yang dialami oleh vendor jualan kenderaan bermotor telah memberi kesan dalam pemberian gaji dan upah kepada pekerja dan ini dijangka turut memberikan kesan negatif bagi industri jualan kenderaan bermotor.
3. Kebenaran penghantaran muatan yang terhad menyebabkan bilangan kontena (TEUs) tidak dapat dihantar. Ini akan memberi kesan terhadap aktiviti pengangkutan muatan melalui jalan raya (pengangkutan darat) dan penghantaran muatan (aktiviti sokongan).

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **MPMA, FMFTA bekerjasama tingkatkan pengeluaran PPE**<br><br>Persatuan Pekilang Plastik Malaysia (MPMA) dan Persekutuan Fesyen, Tekstil dan Pakaian Malaysia (FMFTA) bekerjasama untuk mengisi jurang kritikal dalam rantaian bekalan bagi pengeluaran peralatan perlindungan peribadi (PPE) utama di Malaysia.<br><br>MPMA bekerjasama rapat dengan anggotanya untuk mengubah semula tujuan mesin mereka bagi mengatasi kekurangan global bahan bukan tenunan yang diperlukan untuk membuat PPE yang sangat diperlukan, dan pada masa sama bekerjasama dengan anggota FMFTA dalam proses pengeluaran untuk menjahit 'jumpsuit', gaun perlindungan, penutup kepala dan pelindung but. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/679539/mpma-fmfta-bekerjasama-tingkatkan-pengeluaran-pp |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Malaysian Reserve** | **S. Korea requests support for virus-hit firms in Malaysia**<br><br>South Korea on Monday requested that Malaysia lend hands to its companies based in the Southeast Asian economy whose operations have been disturbed by the Movement Control Order (MCO) amid the COVID-19 pandemic, Yonhap News Agency reported.<br><br>During a videoconference with her Malaysian counterpart Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Yoo Myung-hee (picture) highlighted that countries should not only make thorough quarantine efforts but also find ways to support the parlous virus-hit economy, according to the Ministry of Trade, Industry and Energy. | https://themalaysianreserve.com/2020/04/20/s-korea-requests-support-for-virus-hit-firms-in-malaysia/ |

Penemuan penting & isu:

1. MPMA bekerjasama dengan FMFTA bagi memastikan rantaian bekalan bagi pengeluaran peralatan perlindungan peribadi (PPE) utama di Malaysia dipenuhi. Kekurangan global bahan bukan tenunan yang diperlukan untuk membuat PPE dan pada masa sama bekerjasama dengan anggota FMFTA dalam proses pengeluaran untuk menjahit '*jumpsuit*', gaun perlindungan, penutup kepala dan pelindung but. MPMA dan FMFTA juga komited untuk menyumbang PPE jenis lain bernilai kira-kira RM1 juta kepada KKM dan juga hospital, termasuk pelindung muka, 'jumpsuit', penutup kepala pakai buang, beg sampah klinikal, kepingan plastik dan filem, dan *apron plastic*.
2. Terdapat kira-kira 530 perniagaan Korea Selatan yang beroperasi di Malaysia berdasarkan data Korea Trade-Investment Promotion Agency, yang terjejas akibat kawalan pergerakan Covid-19 di Malaysia. Malaysia adalah rakan dagang ketiga terbesar untuk Korea Selatan dari Asia Tenggara, dengan gabungan kedua-dua negara mencapai nilai dagangan sebanyak USD $18.1 bilion pada 2019.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pada tahun 2019, jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Korea Selatan bernilai RM72.6 bilion atau 4.0% daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia. Korea merupakan rakan dagang kelapan terbesar dan merekodkan nilai import RM38.8 bilion dan eksport RM33.8 bilion pada 2019. Pecahan dagangan antara Malaysia dan Korea mengikut SITC 1 digit:

| SITC | PRODUK | IMPORT (RM juta) | % | EKSPORT (RM juta) | % |
|---|---|---|---|---|---|
| 0 | Makanan | 336.9 | 0.9% | 1,057.3 | 3.1% |
| 1 | Minuman dan tembakau | 23.3 | 0.1% | 11.4 | 0.0% |
| 2 | Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan | 2,487.0 | 6.4% | 682.9 | 2.0% |
| 3 | Bahan api dan pelincir | 7,323.5 | 18.9% | 8,687.7 | 25.7% |
| 4 | Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran | 22.0 | 0.1% | 675.7 | 2.0% |
| 5 | Bahan kimia | 4,943.3 | 12.7% | 2,884.5 | 8.5% |
| 6 | Barang keluaran kilang | 7,237.4 | 18.7% | 5,160.2 | 15.3% |
| 7 | Jentera & kelengkapan pengangkutan | 15,229.9 | 39.2% | 12,032.3 | 35.6% |
| 8 | Pelbagai barang keluaran kilang | 1,060.0 | 2.7% | 2,337.3 | 6.9% |
| 9 | Pelbagai urus niaga dan barangan | 141.1 | 0.4% | 232.5 | 0.7% |
| | **JUMLAH** | **38,804.4** | **100.0%** | **33,761.9** | **100.0%** |

2. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Slow recovery expected for construction sector**<br><br>There is expected to be a slow recovery for the Malaysian construction sector post-movement control order although the companies are in a better financial position to weather the cyclical downturn as compared to in previous crises. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/20/slow-recovery-expected-for-construction-sector |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Malay Mail, Bernama** | **Local construction projects, decent exports until 2021 expected to support Malayan Cement**<br><br>Malayan Cement Bhd's forward volumes are expected to be supported by post movement control order (MCO) pent-up demand from the steady pipeline of in-progress domestic construction projects and decent exports traction spilling over into 2021. Malayan Cement's key earnings would also be underpinned by significant synergistic benefits to be reaped from its ongoing business integration with YTL Cement. | https://www.malaymail.com/news/money/2020/04/20/local-construction-projects-decent-exports-until-2021-expected-to-support-m/1858380 |
| 3. | **Bernama** | **FMM: 63 peratus kilang mungkin terpaksa hentikan pekerja**<br><br>Kaji selidik oleh Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) ke atas 63 peratus syarikat perkilangan di negara ini mendapati bahawa mereka mungkin terpaksa memberhentikan pekerja susulan kemerosotan ekonomi yang berpunca daripada pandemik Covid-19. | https://m.malaysiakini.com/news/521642 |

Penemuan penting & isu:

1. Projek-projek mega termasuk MRT2, LRT3, ECRL dan Lebuhraya Pan Borneo kemungkinan akan diteruskan walaupun terdapat kemungkinan pelaksanaan had bilangan pekerja dan waktu kerja yang akan menghalang kemajuan kerja. Kontraktor yang terlibat termasuk Gabungan AQRS, Gamuda, HSS Engineers, IJM Corp, MMC Corp, MRCB, Sunway Construction dan WCT.
2. Pada tahun 2021, permintaan simen tetap disokong oleh pelaksanaan projek awam berskala besar termasuk ECRL, MRT2, LRT3, Bandar Malaysia dan Johor-SG RTS yang beralih kepada kemajuan kerja yang lebih tinggi.

| |
|---|
| 3. Kaji selidik dijalankan oleh FMM dengan keputusan enam puluh tiga peratus menyatakan bahawa mereka mungkin terpaksa melaksanakan langkah-langkah penjimatan kos dengan 47 peratus terpaksa melakukannya dalam tiga hingga enam bulan akan datang. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Pemantauan berterusan projek dan pertubuhan yang terkesan dengan pandemik dalam survei jangka pendek dan sederhana.<br>2. Semakan dan anailis data pengeluaran simen dan kemajuan kerja projek mega dalam survei jangka pendek.<br>3. Bahagian akan memantau pengurangan pekerja dan akan dilaporkan dalam pembentangan bulan rujukan Mac 2020. |

| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **COVID-19: No restriction on British travellers leaving M'sia - HC**<br><br>No restriction on British travellers leaving Malaysia amid the Covid-19 pandemic and commercial flights between Kuala Lumpur and London are still available. British travellers in Malaysia are advised to return to the UK as international travel becomes challenging. The number of British travellers in Malaysia has declined to less than 200, since the start of the global pandemic. Approximately, there are 8,000-10,000 British nationals residing in Malaysia which includes work permit holders, students, and those under the Malaysia My Second Home Programme. | https://www.bernama.com/en/news.php?id=1833825 |
| 2. | **The Star** | **Tech firms will not rush to invest after MCO is lifted**<br><br>Local sensor and semiconductor test equipment manufacturers will remain cautious in regards to their | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/20/tech-firms-will-not-rush- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | business recovery plans even after the Movement Control Order (MCO) is lifted. The other parts of the globe may not be ready to open and that will affect orders for smart devices, sensors, and semiconductor test-equipment. China, for example, is now ready to produce, but its ability to get its supply of raw materials from non-China manufacturers may become the new constraints. | to-invest-after-mco-is-lifted |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Tiada sekatan ke atas pelancong Britain untuk meninggalkan Malaysia dan penerbangan komersial antara Kuala Lumpur dan London masih beroperasi. Jumlah pelancong Britain di Malaysia telah menurun sejak bermulanya wabak global dan kira-kira terdapat 8,000-10,000 warganegara Britain yang menetap di Malaysia.
2. Akhbar 2: Pengeluar peralatan penguji sensor dan semikonduktor tempatan akan kekal berwaspada disebabkan pasaran dunia yang masih belum terbuka sepenuhnya dengan permintaan terhadap semikonduktor yang rendah. Walaupun China, bersedia untuk menghasilkan produk semikonduktor tetapi kemampuannya untuk mendapatkan bekalan bahan mentah dari pengeluar bukan China mungkin menjadi kekangan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1: Para pelancong Britain yang dinasihatkan untuk pulang ke UK dan penurunan bilangan pelancong Britain di Malaysia sejak penularan wabak COVID-19 bakal memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Perkhidmatan melalui komponen Pengangkutan dan Perjalanan. Pada 2019, defisit Pengangkutan mencatatkan RM25.8 bilion. Manakala lebihan Perjalanan sebanyak RM30.9 bilion disumbangkan oleh *Inbound* yang mencatatkan RM82.1 bilion dan *Outbound* ialah RM51.2 bilion.
2. Akhbar 2: Pemulihan sektor eletrik dan elektronik dijangka akan mengambil masa untuk menunggu peningkatan permintaan dunia terhadap semikonduktor. Keadaan ini akan dilihat kesannya dalam penyusunan statistik Akaun Barangan. Pada tahun 2019, lebihan akaun barangan adalah sebanyak RM125.5 bilion. Selain itu, ia juga akan memberi impak kepada penyusunan statistik Pelaburan Langsung di Malaysia. Produk E&E mewakili 36% daripada jumlah eksport ke China pada tahun 2019.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Insight** | **Fama helps 1,100 farmers to market to prevent dumping**<br><br>The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) had aided 1,120 farmers to market their produce to prevent dumping since the movement control order (MCO) was enforced on March 18.<br><br>The farmers have sold RM6.85 million worth of their produce to the network of controlled fresh markets and Agrobazaar Kedai Rakyat and Agrobazaar Rakyat outlets across the country. | https://www.themalaysianinsight.com/s/239126 |
| 2. | **News Straits Times** | **Pahang Economic Action Council to steer state's post-Covid-19 recovery**<br><br>The newly proposed Pahang Economic Action Council (M-Ten) will not only help revive the state's economy, but also help boost its development to a higher level.<br><br>The state government announced 22 initiatives worth RM24.3 million under three phases.<br><br>The initiatives include providing cash, daily essentials and discounts that will help reduce the financial burden of people from different backgrounds, careers and races. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/586021/pahang-economic-action-council-steer-states-post-covid-19-recovery |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Bernama** | **Jualan dalam talian Fingo melonjak hingga 200 peratus**<br><br>Pengendali pasaran e-dagang sosial Fingo Group Ltd menerusi anak syarikatnya, Fingo Malaysia Sdn Bhd, berjaya mencatat peningkatan jualan dalam talian sebanyak 150 peratus hingga 200 peratus sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lepas, berbanding bulan sebelumnya.<br><br>Pencapaian itu membuktikan populariti aplikasi beli-belah dalam talian Fingo berikutan kemudahan serta penjimatan yang ditawarkan.<br><br>Fingo juga berada di landasan tepat dengan mempunyai keahlian lebih 5,000,000 pengguna dalam tempoh hanya 12 bulan di pasaran.<br><br>Pertumbuhan Fingo itu juga merupakan berita baik bagi pembekal tempatan yang setakat ini menawarkan lebih 100,000 produk, termasuk 20 peratus yang dihasilkan di peringkat tempatan.<br><br>Fingo yang boleh dihubungkan menerusi rangkaian sosial utama seperti Whatsapp, Facebook dan Instagram, sekali gus dapat mengembangkan jangkauan perniagaan dan pengguna.<br><br>Fingo yang memiliki rangkaian rentas sempadan ASEAN yang luas, juga menyasarkan untuk menghubungkan peniaga dan | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1833945 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pengeluar Malaysia ke pasaran dalam talian serantau menerusi cabang e-niaganya. | |
| 4. | **Berita Harian** | **APEC jangka kerugian pengeluaran RM9.21 trilion**<br><br>Pertumbuhan ekonomi rantau Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang merangkumi Malaysia dijangka menguncup 2.7 peratus pada 2020, berbanding pertumbuhan 3.6 peratus pada 2019.<br><br>Pengurangan dalam pertumbuhan itu membabitkan jangkaan kerugian output AS$2.1 trilion (RM9.21 trilion) berikutan kejatuhan ekonomi akibat wabak berkenaan.<br><br>Ia juga ditambah dengan jangkaan 23 juta orang hilang pekerjaan pada 2020. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/679499/covid-19-apec-jangka-kerugian-pengeluaran-rm921-trilion |

